

06/05/2002

Pemuda Umno mahu Singapura bukti keikhlasan

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno bimbang jika Singapura terus mengamalkan sikap tidak bertolak ansur dalam menyelesaikan pelbagai isu dengan negara ini, hubungan kedua-dua negara akan menjadi lebih buruk pada masa depan.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, percaya sikap tidak mahu bertolak ansur itu jugalah yang akan diwarisi pemimpin muda negara itu yang pastinya akan menegangkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda Umno mahu bukti dan komitmen jitu daripada kepemimpinan tertinggi Singapura dalam menyelesaikan isu berbangkit kerana negara ini sudah terlalu banyak bertolak ansur.

"Rasanya sudah cukup (Malaysia bertolak ansur). Dalam Pemuda kita sudah lakukan pelbagai usaha dan tindakan dalam menangani mereka (Singapura). Dalam isu air dan penambakan laut serta isu semasa lain.

"Sudah cukuplah kita bertolak ansur dan beralah. Saya minta satu bukti dan komitmen dari Singapura.

"Kalau tidak, saya bukan saja tidak meneruskan usaha mempertahankan hubungan dua hala, tetapi akan alih pandangan kepada negara lain yang ikhlas, jujur mahu membina hubungan lebih erat dengan Malaysia.

"Singapura bukan satu-satunya negara jiran kita. Kita sudah cuba dan lakukan (mempertahankan hubungan baik) pada masa lalu, tetapi malangnya usaha kita tidak dihargai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perayaan Hari Palang Merah/Bulan Sabit Merah Sedunia peringkat Kebangsaan di Hotel Puteri Pan Pacific, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang mahu pelbagai isu membabitkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura diselesaikan segera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara ini juga mahu segera menyelesaikan isu membabitkan hubungan dua hala dengan Singapura, tetapi republik itu perlu mempunyai sikap tolak ansur.

Hishammuddin berkata, walaupun Malaysia mengharapkan hubungan dengan Singapura terus dipupuk dan dijaga memandangkan ia agak unik, namun republik itu tidak mahu beralah dalam banyak hal.

Beliau percaya sikap pemimpin Singapura itu boleh mengakibatkan masa depan hubungan dua hala tiada harapan untuk dipupuk dan terus diperkukuhkan generasi akan datang.

"Sebab itu, kalau betul mereka nak selesaikan masalah, saya harap dapat dibuktikan dengan tindak tanduk, satu gerakan yang betul membawa penyelesaian kepada isu yang membelenggu hubungan dua hala," katanya.

Beliau sudah mendengar banyak kali, Singapura mahu pelbagai isu kedua-dua negara diselesaikan segera kerana hubungan yang unik, tetapi tindak tanduk tidak menunjukkan mereka bersungguh-sungguh melakukannya.

"Mereka nampaknya tidak boleh bertolak ansur, tidak menunjukkan bahawa hubungan itu dapat dibawa kepada generasi muda kedua-dua negara kepada tahap membanggakan. Kita dah cuba," katanya

Justeru, beliau berharap, kenyataan Goh itu dalam menyelesaikan isu membabitkan kedua-dua negara diselesaikan segera, dapat dilaksanakan cepat.

"Bukan cakap kosong yang akan hanya timbul rasa resah dan kecewa pada generasi akan datang. Saya bimbang isu tertunggak dan pelbagai isu baru yang nampaknya terus menimbulkan ketegangan akan menjadi lebih teruk,"

katanya.

(END)